



Home » Promosi pelancongan daerah buka semula ekonomi setempat



DENGAN lokasi menarik dan perkhidmatan terbaik dapat memberi nilai tambah kepada pengusaha pelancongan sesuatu daerah mempromosikannya kepada pengunjung. – GAMBAR HIASAN

## Promosi pelancongan daerah buka semula ekonomi setempat

Oleh KOSMO! 29 September 2021, 12:29 pm

Oleh Dr. Syakir Amir Ab. Rahman

SEJAK wabak Covid-19 dikesan dan tersebar di negara ini Februari tahun lalu, seluruh rantaian ekonomi sektor pelancong negara hampir lumpuh.

Perhotelan dan agensi pelancongan antara industri paling terkesan dengan 'kemunculannya'. Disebabkan pandemik itu juga, perjalanan udara merosot hampir 70 peratus ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat pada tahun lepas.

Selepas itu, peratusan pelancong meningkat kembali dalam fasa PKP Pemulihan. Namun, PKP fasa kedua sekali lagi membawa berita buruk kepada seluruh industri pelancongan negara.

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, sukar untuk 'memetakan' strategi tepat bagi memulihkan situasi pelancongan negara.

Setidak-tidaknya kaedah yang dilaksanakan kerajaan pada masa kini banyak membantu rakyat Malaysia kelompok B40 yang terjejas teruk akibat pandemik.

Justeru, satu inisiatif untuk menggerakkan sektor pelancongan domestik perlu dilakukan dengan berperingkat, tersusun dan terperinci.

Penduduk di Kuala Lumpur dan Selangor merupakan penjana ekonomi pelancongan yang utama. Harus diakui, setiap hujung minggu dan cuti umum, warga Kuala Lumpur dan Selangor lazimnya keluar mengunjungi destinasi pelancongan utama atau menziarahi keluarga di kampung.

Kini, sementara menunggu kelonggaran merentas negeri, inisiatif mengaktifkan dan mempromosikan pelancongan domestik antara daerah boleh dilaksanakan segera. Semestinya, pelaksanaan ini harus mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

Dalam hal ini, mereka yang berada di bandar-bandar utama seperti Shah Alam, Seremban, Kuantan, Ipoh dan Kuching disarankan untuk keluar mengunjungi daerah-daerah lain bagi menerokai tarikan dan sumber pelancongan di negeri masing-masing.

Apabila jumlah mobiliti domestik meningkat, masyarakat di luar bandar dapat menikmati kesejahteraan ini.

**TIDAK PERLU BERATUR NIKMATI MAKANAN POPULAR DI GRABFOOD**

[KLIK DISINI](#)

### POPULAR

- Kumpul duit syiling RM80,C beli Toyota Rush secara tunai**  
30 Septem: 2021, 9:00 am
- Hujan lebat landa dua negeri pagi ini**  
30 Septem: 2021, 8:13 am
- Kuchin City, Perak F kongsi mata terikat : 2**  
29 Septem: 2021, 11:00 pm
- TFC ter cemer: tewask Selang**  
29 Septem: 2021, 11:00 pm

**TIDAK PERLU BERATUR NIKMATI MAKANAN POPULAR DI GRABFOOD**

[KLIK DISINI](#)



PELAKSANAAN PKP bagi membendung penularan Covid-19 sebelum ini membawa berita buruk kepada pengusaha pelancongan di sesuatu tempat. - GAMBAR HIASAN

Agensi kerajaan peringkat negeri dan tempatan pula harus menjadikan pendekatan ini sebagai fokus utama.

Strategi perlu diperkemas bersama pelan tindakan jangka masa pendek dan panjang.

Agensi terlibat perlu mencari potensi tempatan untuk dikomersialkan.

Bantuan promosi secara berkala, inisiatif kewangan serta latihan kemahiran kepada masyarakat perlu dilakukan segera.

Usaha ini tidak hanya diberikan penekanan kepada golongan muda sahaja, tetapi semua kelompok masyarakat di setiap daerah perlu diberikan peluang untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang mereka sediakan.

Gerai makanan tempatan, inap desa dan premis jualan produk tempatan antara tarikan kepada pengunjung dari daerah dan bandar utama lain.

Masyarakat yang dahulunya belum pernah terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan, boleh melihat keupayaan kemahiran sendiri dan meninjau peluang tersebut.


Tuntasnya, promosi perlu dipertingkatkan dan media sosial adalah kaedah terbaik dalam merapatkan jarak antara pengusaha tempatan dan pelancong.

Pelancongan domestik daerah seperti ini mampu mengembalikan semangat pengusaha tempatan, sekali gus memulihkan kembali ekosistem ekonomi masyarakat.


Ayuh kita semarakkan produk pelancongan tempatan demi kesejahteraan semua.

-----  
-----  
Dr. Syakir Amir Ab. Rahman ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Kulliyah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.


**BERITA SELANJUTNYA**



**Program #TravelPerakLah dilancar semula**



**Sinar buat penggiat industri pelancongan**



**Pelaburan Bit Yang Membu**

|  |          |  |            |                 |       |       |
|--|----------|--|------------|-----------------|-------|-------|
| TERKINI  | NEGARA ▾ | K2 ▾   | HIB GLAM ▾ | DUNIA           | SUKAN | NIAGA |
| Rahsia Pelajar Kolej 24 Tahun Capai Kebebasan... |          | Geng butik, bundle bergaduh ketika 'live' -... |            | Susunlah lan... |       |       |

AHAD ▾ VIDEO PREMIUM

BERITA BERKAITAN



Selesa pegang, skrin lebih nipis jadi tarikan

29 September 2021, 12:50 pm



GoPro terbaharu jamin kualiti gambar lebih baik

29 September 2021, 12:43 pm



Rekaan fesyen daripada bahan kitar semula

29 September 2021, 11:30 am



Bukukan artikel Covid-19 penulisan para pensyarah pelbagai kepakaran

29 September 2021, 9:30 am



LANGGANAN

PREMIUM

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat

Hubungi Kami